



SIARAN AKHBAR

SESI DIALOG BERSAMA BELIA MENGENAI ISU KEBERSIHAN DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Bandar Seri Begawan, 31 Ogos 2026 – Kementerian Pembangunan melalui inisiatif Brunei Bersih hari ini telah mengadakan Sesi Dialog Bersama Belia Mengenai Isu Kebersihan di Negara Brunei Darussalam bertempat di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan.

Hadir selaku Tetamu Kehormat ialah Yang Mulia Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar, Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan.

Sesi dialog berkenaan diadakan sebagai wadah untuk melibatkan golongan belia dalam membincangkan isu-isu berkaitan kebersihan serta memberikan ruang bagi perkongsian pandangan, idea dan cadangan ke arah memupuk sikap bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan persekitaran.

Seramai lebih kurang 280 peserta telah menyertai sesi dialog berkenaan, yang terdiri daripada penuntut-penuntut institusi pengajian tinggi serta golongan belia. Penyertaan ini mencerminkan kepentingan penglibatan golongan belia sebagai rakan strategik dalam sama-sama menyumbang idea dan memainkan peranan aktif dalam menangani isu kebersihan di Negara Brunei Darussalam.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan penyampaian sijil penghargaan kepada para pembentang dan sesi bergambar ramai.

Program diteruskan dengan sesi perkongsian ringkas daripada kumpulan-kumpulan petindak sebelum berlangsungnya sesi dialog yang mengetengahkan tiga tajuk utama, iaitu "*Why Do We Still Litter?*", yang disampaikan oleh Mohammad Hazim bin Awang Mokti; "*Contingency Plan If the Services Are Inaccessible*", yang disampaikan oleh Nurul Wafa binti Haji Ismail; dan "*How to Cultivate Clean Habits?*", yang disampaikan oleh Dk Nur Farahiyah @ Dk Batrisyia binti Pengiran Haji Abdul Rahman.

Melalui sesi dialog tersebut, para peserta berpeluang untuk bertukar-tukar pandangan mengenai cabaran berkaitan kebersihan, peranan masyarakat dalam menangani isu pembuangan sampah serta kepentingan membudayakan amalan kebersihan dalam kehidupan seharian.

Penglibatan golongan belia dalam perbincangan seumpama ini adalah penting dalam usaha meningkatkan kesedaran serta menggalakkan rasa tanggungjawab bersama terhadap kebersihan dan kelestarian alam sekitar.

Di samping sesi dialog, program berkenaan turut dimeriahkan dengan penyertaan vendor-vendor tempatan yang dikendalikan oleh golongan belia. Aktiviti sampingan ini diadakan sebagai salah satu usaha untuk memberikan ruang dan sokongan kepada komuniti belia tempatan, khususnya dalam mengetengahkan produk dan perniagaan mereka, di samping mewujudkan suasana program yang lebih santai dan interaktif dalam kalangan peserta.

Penganjuran sesi dialog ini juga merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Kementerian Pembangunan melalui Brunei Bersih dalam menggalakkan penglibatan seluruh lapisan masyarakat, khususnya golongan belia, untuk sama-sama memainkan peranan dalam mewujudkan persekitaran yang lebih bersih, selesa dan lestari di Negara Brunei Darussalam.

-TAMAT-

Disediakan dan dikeluarkan oleh:

**Unit Perhubungan Awam
Kementerian Pembangunan**



PRESS RELEASE

DIALOGUE SESSION WITH YOUTH ON CLEANLINESS ISSUES IN BRUNEI DARUSSALAM

Bandar Seri Begawan, 31 August 2026 – The Ministry of Development, through the Brunei Bersih initiative, today held a Dialogue Session with Youth on Cleanliness Issues in Brunei Darussalam at Dewan Betabur, Ministry of Development.

Present as the Guest of Honour was Yang Mulia Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar, Permanent Secretary at the Ministry of Development.

The dialogue session served as a platform to engage youth in discussions on cleanliness-related issues while providing an opportunity for them to share their views, ideas and suggestions towards fostering greater responsibility in maintaining a clean environment.

Approximately 280 participants took part in the dialogue session, comprising youth and students from higher education institutions. Their participation reflects the importance of engaging young people as strategic partners in contributing ideas and playing an active role in addressing cleanliness issues in Brunei Darussalam.

The event commenced with the recitation of Surah Al-Fatihah, followed by certificate presentation to the speakers and group photo session.

The programme continued with brief sharing sessions by the respective action groups, followed by a dialogue session featuring three main topics: "Why Do We Still Litter?", presented by Mohammad Hazim bin Awang Mokti; "Contingency Plan If the Services Are Inaccessible", presented by Nurul Wafa binti Haji Ismail; and "How to Cultivate Clean Habits?", presented by Dk Nur Farahiyah @ Dk Batrisyia binti Pengiran Haji Abdul Rahman.

Through the dialogue, participants had the opportunity to exchange views on challenges relating to cleanliness, the role of the community in addressing littering, and the importance of cultivating clean habits in everyday life.

The involvement of youth in discussions of this nature is important in raising awareness and encouraging a greater sense of shared responsibility towards maintaining cleanliness and environmental sustainability.

Alongside the dialogue session, the programme also featured local youth-led vendors as a side activity. Their participation provided an opportunity to support and showcase the local youth community and their businesses, while creating a more engaging and interactive atmosphere for participants throughout the programme.

The dialogue session also forms part of the Ministry of Development's continuous efforts through Brunei Bersih to encourage greater participation from all levels of society, particularly youth, in playing an active role towards creating a cleaner, more comfortable and sustainable environment in Brunei Darussalam.

-END-

Prepared and published by:
Public Relations Unit
Kementerian Pembangunan